

TIDAK timbul masalah pemakanan dan masalah lain yang nyata kecuali kambing dimakan oleh pemangsa seperti harimau.

Terdapat beberapa keistimewaan pada zaman yang lampau itu.

Pertama, kambing dibiarkan lepas bebas pada siang hari untuk meragut di lapangan menghiu yang luas serta tidak ada masalah berkaitan gangguan lalu lintas dan kepada masyarakat setempat.

Kedua, orang-orang dulu mempunyai pengetahuan (*indigenous knowledge*) dalam memilih dedaun yang sesuai di belukar dan di hutan untuk diberi makan kepada kambing dan sebagai perubatan herba untuk membasmi masalah cacing dan penyakit lain.

Tidak timbul keperluan untuk tanam rumput napier (rumput gajah).

Ketiga, kambing diberi makanan tertentu atau minuman dibancuh dengan air garam, air beras dan sebagainya untuk tingkatkan kecergasan dan kesihatan.

Zaman tersebut sudah berlalu. Apa yang nyata adalah amalan-amalan yang baik pada zaman lampau hanya sedikit sekali diturunkan kepada anak cucu.

Masih ada amalan yang diturunkan, seperti petua-petua untuk mententeramkan kambing sebelum disembelih dan mengelakkan bau hamis pada daging kambing.

Walaubagaimanapun, dipercayai banyak ilmu-ilmu tertentu dan petua-petua amalan generasi lepas tidak diturunkan dan lebih padah lagi, tidak dibukukan untuk dijadikan sebagai panduan untuk penternak generasi kini.

Oleh yang demikian generasi penternak zaman sekarang banyak berharap kepada pengetahuan yang diperolehi dari kursus jangka pendek, bahan bertulis dan melalui jaringan (*networking*) serta media elektronik.

Apa yang amat nyata berkurangan dalam kalangan sebilangan penternak sekarang ialah ilmu dalam aspek pemakanan ternakan.

Siasatan oleh saintis Universiti Putra Malaysia (UPM), ke atas kes-kes kematian kambing, mendapati sebilangan besar dikaitkan dengan kelemahan dalam aspek pemberian makanan.

Masalah tersebut bukan sahaja dilihat berlaku pada penternak sampingan tetapi juga pada penternak sepenuh masa.

Jika masalah makanan telah berlaku, pemulihan badan kambing daripada keadaan kurus ke keadaan normal memang melibatkan masa dan juga kos yang tinggi.

Sekurang-kurangnya sebulan diperlukan bagi memulihkan kembali badan kambing yang kurus dan sengsara akibat penerimaan makanan yang tidak mencukupi dari segi jumlah makanan dan zat tertentu seperti vitamin dan mineral.

Sistem pertahanan kambing kepada penyakit menjadi lemah jika ia selalu kelaparan. Inilah sebabnya kambing yang kurus lebih mudah mati apabila diserang penyakit yang biasanya tidak akan membunuh kambing yang gemuk atau cukup diberi makanan.

Tinjauan lapangan dari Perlis hingga ke Sabah menampilkan kelemahan yang sama iaitu pengurusan pemakanan yang lemah.

Oleh yang demikian, UPM telah mengambil inisiatif untuk melihat masalah ini dengan lebih dekat dan menyusun langkah strategik bagi memastikan pengurusan pemakanan kambing berada pada tahap yang baik.

Projek Penyelidikan *Technofund* berkaitan kambing baka Boer melibatkan kerjasama antara UPM dengan Koperasi



RUMPUT napier yang ditanam sekitar ladang ternakan kambing.



SEORANG pekerja sedang menggaul baja kompos daripada tinja kambing menggunakan jentera.

Pembangunan Desa (KPD) Sabah berakhir pada hujung tahun lepas.

Penyelidik dari UPM terdiri daripada pakar penyakit dan pembiakan dari Fakulti Perubatan Veterinar dan pakar pemakanan dari Fakulti Pertanian UPM.

Protokol atau Prosedur Operasi Standard (SOP) dalam aspek pengurusan kesihatan, pengurusan pemakanan dan pengurusan pembiakan telahpun dibangunkan.

Protokol ini dapat dijadikan garis panduan bagi pengusaha kambing baka Boer tempatan.

Kejayaan projek pembiakan kambing baka Boer KPD di Kabang, Sabah berpusat kepada penekanan khusus kepada pemakanan kambing kerana kos makanan menyumbang lebih kurang 70 peratus kos pengurusan.

Kejayaan ini amat membanggakan dan menunjukkan kambing Boer sesuai diusahakan secara komersial di negara ini.

Pelaburan dalam makanan mungkin nampak tinggi berbanding dengan

UPM telah mengambil inisiatif untuk melihat masalah ini dengan lebih dekat dan menyusun langkah strategik bagi memastikan pengurusan pemakanan kambing berada pada tahap yang baik

pemeliharaan kambing Katjang tetapi hasil dari pelaburan ini dalam tempoh Projek *Technofund* berjalan menunjukkan aliran tunai yang menguntungkan.

Satu lagi projek kambing melibatkan UPM yang sedang berjalan dan berada di peringkat akhir ialah program



DR. Azhar (penulis) menunjukkan rumput napier yang telah dikisar untuk dijadikan makanan kambing.